



ABDUL Rahman (tengah) bersama graduan yang menerima Anugerah Cemerlang Yayasan Bank Rakyat (YBR) 2016 dan Talent Rakyat.

PENCAPAIAN DIKTIRAF

■ 138 terima Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Bank Rakyat 2016 dan Talent Rakyat

Siti Fatimah Nasir
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 138 terdiri daripada 38 graduan akademik dan 100 graduan kemahiran menerima Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Bank Rakyat (YBR) 2016 dan Talent Rakyat di Dewan Tun Abdul Razak (DTAR), Melaka Kembar Bank Rakyat, di sini, semalam.

Pengerusi Yayasan Bank Rakyat (YBR) Datuk Abdul Rahman Kasim berkata, anugerah diberikan YBR adalah sebagai penghargaan

dan mengiktiraf usaha pelajar tajaan yang cemerlang dari segi akademik, kokurikulum dan pembentukan sahsiah diri.

“Menerusi majlis ini, kita juga memberi penghargaan kepada rakan strategik seperti Bank Rakyat, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), KRU Academy dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas sokongan menjayakan program Talent Rakyat.

“Program Talent Rakyat adalah platform yang sesuai bagi menyediakan graduan untuk menempuh alam pekerjaan serta menjadi modal insan yang lengkap dan memenuhi ciri-ciri yang di-

perlukan majikan,” katainya.

Sementara itu, wakil 38 graduan cemerlang akademik YBR yang menerima anugerah platinum, Wan Ahmad Mudhakkir Wan Burhanuddin, 25, berkata, tiada kata lain yang boleh diucapkan selain rasa syukur atas anugerah yang diterimanya semalam.

Graduan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautek di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) itu turut berterima kasih kepada YBR kerana banyak memberi bantuan dari segi kewangan dan menyempurnakan pembelajaran di universiti.